

**LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN  
NEGERI TERENGGANU**

**JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa bagi yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut :

<b>Nama Jawatan</b>	<b>:</b>	<b>Penolong Eksekutif (Sumber Manusia) Gred N29</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>:</b>	<b>Kontrak</b>
<b>Klasifikasi</b>	<b>:</b>	<b>Pentadbiran dan Sokongan</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	<b>:</b>	<b>Kumpulan Sokongan I</b>

**A. BIDANG TUGAS**

Bertanggungjawab dalam pengurusan perjawatan, urusan perkhidmatan kakitangan, hal disiplin dan tatatertib, penyelenggaraan fail dan rekod perkhidmatan, penyediaan laporan dan statistik, pelaksanaan latihan dan pembangunan sumber manusia, pemberian khidmat nasihat serta melaksanakan tugas-tugas am dan sokongan pengurusan yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**B. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- i. Warganegara Malaysia (keutamaan kepada Rakyat Negeri Terengganu);
- ii. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Mempunyai kelayakan sebagaimana berikut :
  - a. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. atau
  - b. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. atau
  - c. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. atau
  - d. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- iv. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. dan
- v. Mempunyai pengalaman sekurang – kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan.

### **C. PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi boleh ditetapkan oleh LTAWNT berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

### **D. TEMPOH KONTRAK**

Tempoh tawaran kontrak 1 tahun ATAU tempoh masa yang difikirkan perlu.

### **E. CARA MEMOHON**

1. Syarat – syarat lantikan boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).
2. Pemohon hendaklah dimohon secara atas talian di laman web [www.ltawnt.gov.my](http://www.ltawnt.gov.my) atau mengimbas kod QR di bawah.
3. Pemohon – pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan tuan/puan dianggap gagal sekiranya tidak mendapat sebarang jawapan/maklum balas dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup.

**Tarikh Tutup : 31 Julai 2025**

